



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Tohar, S. N. A. M. & Bukhari, N. J. (2025). Sejarah, identiti nasional dan generasi muda: Analisis bibliometrik. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 3(3), 24-39. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2025.3.3>

SEJARAH, IDENTITI NASIONAL DAN GENERASI MUDA: ANALISIS BIBLIOMETRIK

*(History, National Identity, and the Younger Generation:
A Bibliometric Analysis)*

¹Siti Nor Azhani Mohd Tohar & ²Nur Jannah Bukhari

^{1&2}Pusat Pengajian Teras,
Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia

¹*Corresponding author: azhanitohar@usim.edu.my*

Received: 24/1/2025

Revised: 7/7/2025

Accepted: 7/7/2025

Published: 31/7/2025

ABSTRAK

Kepentingan penghayatan sejarah kepada generasi muda Malaysia sering terabai dan dianggap tidak penting dalam menelusuri arus kemodenan kini. Umum tidak menyedari kepentingan penghayatan sejarah menjujukan keutuhan identiti nasional yang membawa kepada keharmonian masyarakat heterogen Malaysia. Sejarah memerlukan penghayatan yang tinggi kerana ia merupakan teras dalam memastikan semua warganegara memiliki identiti nasional yang unggul. Justeru, makalah ini akan membincangkan mengenai trend di peringkat global mengenai penyelidikan sejarah dan identiti nasional, seterusnya perkaitan antara sejarah dan identiti nasional serta kepentingannya kepada generasi muda. Pengumpulan data adalah secara analisis bibliometrik dari pangkalan data Scopus yang melibatkan 67 artikel jurnal berbahasa Inggeris dari penerbitan 5 tahun terkini (2019-2024). Dapatan membincangkan trend penerbitan mengikut tahun, negara dan tema/kata kunci serta membincangkan perkaitan antara

sejarah dan identiti nasional serta kepentingannya kepada generasi muda. Implikasinya, penyelidikan berkaitan sejarah dan identiti nasional dalam kalangan generasi muda perlu diperluaskan memandangkan generasi ini adalah pemangkin kepada kemajuan negara melalui identiti negara merdeka.

Kata Kunci: Patriotisme, Nasionalisme, Identiti Nasional, Multi Etnik, Sejarah.

ABSTRACT

The importance of historical appreciation among the younger generation in Malaysia is often overlooked and deemed insignificant in navigating the currents of modernity. People does not realise the importance of historical appreciation in strengthening national identity, which lead to fostering harmony within Malaysia's heterogeneous society. History is not merely as enhancing knowledge and understanding; rather, a profound appreciation of the nation's history serves as a cornerstone in ensuring that all citizens embody a strong sense of national identity. Therefore, this paper will discuss global trends in historical research and national identity, as well as the relationship between history and national identity and its relevance to the younger generation. Data collection was conducted through bibliometric analysis using the Scopus database, analysing 67 English-language journal articles published over the past five years (2019–2024). The findings explore publication trends by year, country, and theme/keywords, while also emphasizing the connection between history and national identity and its significance for the younger generation. Implication, research on history and national identity among the younger generation needs to be intensified, as this generation plays a pivotal role in driving the nation's progress and embodying the identity of an independent country.

Keywords: Patriotism, nasionalism, national identity, multi ethnic, history.

PENGENALAN

Malaysia dihuni dengan kepelbagaian etnik yang dicirikan oleh kepelbagaian budaya dan adat resam. Walau memiliki latar etnik yang berbeza namun setiap warganegara memiliki sejarah yang sama kerana bernaung di bawah tanah air yang sama. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil individu yang gemar mencetuskan kegusaran dalam kalangan rakyat dengan menimbulkan isu-isu sensitif. Pada akhirnya, ketegangan dalam kalangan masyarakat mulai terjadi dan mampu menyebabkan pertelingkahan. Di sinilah peranan sejarah perlu diketengahkan. Walaupun sejarah sering dianggap membosankan dan tidak menarik, namun perlu disedari sejarah amat penting dalam memahami dunia hari ini (Abdullah & Azis, 2019). Malahan melalui sejarah segala isu berkaitan sosial, politik dan budaya dapat diselesaikan dengan memahami punca masalah dan perubahan (Mohammad & Ahmad, 2024).

Malahan, sejarah dapat menghubungkan setiap ahli komuniti untuk berkongsi naratif yang sama seterusnya membina keutuhan semangat kekitaan. Naratif sejarah yang terkandung penanda aras, ketokohan dan pencapaian dalam peristiwa sejarah amat menyumbang kepada keutuhan identiti nasional kerana wujudnya elemen perkongsian simbol dan titik sentuhan budaya (Anderson, 1983; Smith, 1991). Justeru, dalam kemodenan dunia hari ini, sejarah perlu

difahami dan dihayati iktibar dan tauladannya untuk membina kekuatan generasi muda menempuh cabaran dunia moden. Generasi muda multi etnik ini perlu mempersiapkan diri dengan mengukuhkan identiti nasional sebagai warganegara Malaysia. Identiti nasional seringkali dikaitkan dengan semangat nasionalisme. Namun, Kesenambungan tamadun Malaysia amat bergantung kepada kekuatan identiti nasional generasi muda kerana mereka merupakan penyambung warisan yang menjadi penentu nasib dan masa depan negara juga bangsa. Oleh itu, makalah ini akan membincangkan mengenai trend perkembangan di peringkat global mengenai penyelidikan sejarah dan identiti nasional. Seterusnya, makalah ini membincangkan perkaitan antara sejarah dan identiti nasional serta kepentingannya kepada generasi muda.

SOROTAN KARYA

Kepentingan penghayatan sejarah kepada rakyat Malaysia multi etnik merupakan satu keperluan untuk membina jati diri melalui keutuhan identiti nasional terutamanya kepada generasi muda. Identiti nasional didefinisikan sebagai semangat kekitaan dan hubungan individu dengan negara dan bangsa yang merangkumi ikatan perasaan dan dapat diwujudkan melalui manifestasi pertalian individu terhadap negaranya (Priwati & Sanitioso, 2024; Smith, 1992). Perkaitan antara sejarah dan identiti nasional ini telah banyak dibincangkan sama ada dari sudut pandang sarjana barat mahupun tempatan lebih sedekad lalu sehingga kini. Perkaitan dari sudut identiti nasional ditentukan oleh batasan waktu yang sering dikaitkan dengan situasi sejarah, memori kolektif (Condor, 2006; Nuan & Xin, 2012; Priwati dan Sanitioso, 2024; Reicher & Hopkins, 2001; Sani et al., 2007; Shin et al., 2014). Perkaitan ini menjadikan identiti kolektif lebih menonjol (Jetten & Hutchison, 2011; Semonin, 2000; Wohl et al., 2023) dan dapat menyumbang kepada penyesuaian kolektif untuk menangani cabaran dalam masyarakat dan melengkapkan ahlinya dengan keterbukaan minda untuk menerima globalisasi (Shin et al., 2014).

Di Malaysia, pengukuhan identiti nasional melalui penghayatan sejarah menjadi fokus dalam pendidikan negara kerana Malaysia percaya pendidikan adalah institusi terawal yang penting dalam mendidik anak-anak muda. Pendidikan sejarah menjadi instrumen dalam mendidik anak muda memperkukuhkan identiti nasional melalui nilai patriotik, kesetiaan dan integriti moral (Muis et al., 2024; Xian et al., 2017). Malahan, kajian oleh Tohar et al. (2019) menunjukkan bahawa struktur kurikulum yang komprehensif dan sistematik dalam pendidikan sejarah bukan hanya meningkatkan kefahaman malahan penghayatan pelajar kepada identiti nasional dan perpaduan. Di peringkat universiti pula, kajian oleh Othman et al. (2023) menekankan peranan penting pelajar universiti dalam pengukuhan identiti nasional melalui program-program berkonsepkan perpaduan antara etnik.

Malangnya, sedari beberapa dekad lalu, sarjana tempatan sering menyuarakan berkenaan beberapa kelompangan penerapan identiti nasional dalam sistem pendidikan negara, iaitu murid-murid Malaysia hanya mempelajari sejarah semata-mata untuk lulus peperiksaan, diajar dengan cara yang tidak berkesan dan pemahaman yang mendalam tidak diserap malahan mata pelajaran Sejarah dikatakan tidak berguna (Kim, 1984), sehingga kini masih lagi dikatakan sejarah adalah mata pelajaran yang membosankan dan gagal untuk menarik minat pelajar (Wahab et al., 2020). Pendidikan sejarah yang diajarkan kepada anak-anak sekolah juga terlalu cetek dan ringkas terutamanya dari sudut perundangan perlembagaan negara dan

dasar awam yang menyebabkan ia sering dipertikaikan dan tidak difahami oleh pelbagai bangsa serta generasi muda Melayu sendiri (Kling, 2012). Kajian turut membuktikan bahawa komponen identiti nasional di dalam teks-teks literatur dan naratif kebangsaan di dalam silibus yang digunapakai sangat kurang menjadi salah satu faktor kurangkan identiti nasional dalam kalangan pelajar universiti (Othman et al., 2023; Xian et al., 2017). Justeru, kelompangan yang tidak berkesudahan ini perlu diteliti dengan kajian-kajian empirikal daripada para sarjana, terutamanya dengan melihat sejauhmana penghasilan makalah oleh para sarjana yang membincangkan kepentingan identiti nasional dalam konteks penghayatan sejarah secara global mahupun tempatan.

Selain itu, didapati juga bahawa kajian dalam melihat perkaitan antara sejarah dan identiti nasional bukanlah suatu bidang kajian baharu. Namun, sejauhmanakah perkembangan penulisan akademik dalam isu ini mendapat perhatian secara global, atau sekadar menjadi perhatian bagi sesetengah negara sahaja termasuk Malaysia. Analisis perkembangan ini dapat dikaji melalui analisis bibliometrik yang berupaya menganalisis produktiviti penyelidikan melalui perkembangan penerbitan, menilai impak berdasarkan metrik tertentu, dan mampu memberi visual dan pemetaan literatur-literatur berdasarkan analisis rangkaian tertentu (Ahmi, 2022). Analisis bibliometrik telah menjadi pilihan penyelidik barat dan semakin kerap diaplikasikan oleh penyelidik tempatan seiring dengan perkembangan dunia penyelidikan yang semakin bersifat teknologi. Di Malaysia, kajian yang mengaplikasikan analisis bibliometrik semakin rancak bagi melihat perkembangan akademik dalam bidang penyelidikan masing-masing (Elkaseh et al., 2024; Gharib et al., 2024; Nasiruddin et al., 2025; Salleh et al., 2021). Justeru, analisis secara bibliometrik amat relevan dalam mengenalpasti trend perkembangan penyelidikan berkenaan perkaitan sejarah, identiti nasional dan generasi muda.

METODOLOGI

Makalah ini menggunakan penyelidikan kuantitatif dengan kaedah analisis bibliometrik. Pengkaji telah menganalisis artikel jurnal berstatus lima tahun terkini mulai 2019 sehingga 2024 dari database Scopus. Data dianalisis menggunakan perisian VOSviewer versi 1.6.20 dan statistik analisis laman sesawang Scopus bagi melihat trend perbincangan perkaitan isu penghayatan sejarah dan identiti nasional dalam kalangan generasi muda yang berlaku secara global. Selain daripada artikel terbitan lima tahun terkini, kriteria pemilihan artikel juga terhad kepada artikel yang diterbitkan di jurnal sahaja; terhad kepada tajuk sahaja (tidak termasuk abstrak dan kata kunci); telah diterbitkan; dan hanya artikel berbahasa Inggeris. Carian adalah berdasarkan tema, (history OR "learning history" OR "appreciat*of history") AND ("national identity" OR patriotism* OR nationalism*). Justeru, terdapat 67 artikel yang dianalisis dari pelbagai negara. Pemilihan pelbagai negara adalah untuk menepati objektif penyelidikan yang ingin melihat perkembangan penulisan ilmiah secara global. Metodologi ini dipilih bersandarkan kepada persoalan kajian utama yang ingin mengetahui, bagaimanakah perkembangan penyelidikan mengenai perkaitan sejarah dengan identiti nasional ini berlaku dari tahun ke tahun? Dalam konteks negara yang menerajui perbincangan ini dan tema utama yang berkait rapat dengan isu penghayatan sejarah, identiti nasional dan generasi muda. Sistematik protokol analisis bibliometrik adalah seperti di Rajah 1.

Rajah 1

Sistematik Protokol Analisis Bibliometrik

Carian	•((history OR "learning history" OR "appreciat*of history") AND ("national identity" OR patriotism* OR nationalism*)).
Skop	•Pangkalan data: Scopus •Medan carian: Tajuk artikel •Jangka masa : 2019 - 2024 •Jenis sumber : Jurnal •Jenis dokumen : Artikel •Subjek bidang: Semua •Bahasa : Inggeris
Tarikh Data Diambil	•23 Januari 2025
Rekod dikenalpasti dan disaring	•n = 67
Rekod dibuang	•n = 0
Rekod dianalisis	•n = 67
<i>Sumber: Penyelidik</i>	

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Data dianalisis bagi menjawab persoalan kajian dengan membentangkan dapatan perkembangan trend penerbitan mengikut tahun dan negara, seterusnya menganalisis tema-tema yang wujud dan perkaitannya dari sudut sejarah, identiti nasional dan generasi muda.

Perkembangan Mengikut Tahun


Daripada Rajah 2 menunjukkan jumlah artikel yang membincangkan isu identiti nasional dan sejarah dari tahun ke setahun. Pada 2020 berlaku sedikit penurunan, iaitu hanya sebanyak 7 artikel berbanding tahun sebelumnya. Trend ini hampir berlaku dalam semua bidang penyelidikan yang mana ia merupakan impak daripada masalah penularan Covid 19 yang memberi impak besar kepada semua sektor (Haleem et al., 2020) termasuk bidang penyelidikan yang banyak beralih fokus ke penyelidikan berkaitan pembelajaran digital atau pembelajaran secara maya (*e-learning*) (Rashid & Yadav, 2020). Namun bilangan artikel mula bertambah pada tahun 2021 dan kemuncak pada 2022 sebanyak 16 artikel. Keseluruhan artikel

yang membicarakan perkaitan sejarah dan identiti nasional ialah sebanyak 67 artikel dalam tempoh 5 tahun terkini. Sekiranya diteliti dari sudut perbandingan jumlah penerbitan artikel jurnal berkaitan sejarah dan identiti nasional ini tidak begitu memberansangkan secara global sekiranya dibandingkan dengan bidang penyelidikan lain dari bidang kemanusiaan dan sosial sendiri sendiri, apatah lagi dari bidang sains dan teknologi.

Perkembangan penyelidikan yang mengaitkan sejarah dan identiti nasional seharusnya berkembang seiring dengan kepesatan bidang penyelidikan lain. Dunia kini lebih mementing aspek sains dan teknologi, malahan terbaharu revolusi industri melalui teknologi Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligent*) semakin mendominasi minda dunia. Transformasi sosial melalui pengadaptasi teknologi Kecerdasan Buatan masih harus ditunjangi dengan keutuhan nilai dan budaya setempat. Identiti nasional perlu menjadi satu titik tolak kepada sebarang bentuk transformasi sosial yang berlaku termasuk dari sudut perkembangan teknologi (Tohar, et al., 2021). Apatah lagi, penghayatan sejarah menjadi asas penting dalam setiap identiti nasional bagi sesebuah negara merdeka.

Rajah 2

Jumlah Artikel Diterbitkan Mengikut Tahun



Perkembangan Mengikut Negara


Rajah 3 menunjukkan perkembangan penerbitan yang berlaku mengikut negara. Trend ini secara tidak langsung dapat menunjukkan negara yang cakna dengan isu-isu sejarah yang memberi impak kepada identiti nasional. Amerika Syarikat antara negara tertinggi yang membicarakan isu ini secara akademik. Tidak dinafikan bahawa ia merupakan sebuah negara besar dan maju, namun, penekanan berkenaan isu sejarah yang dapat memperkukuhkan identiti nasional oleh sebuah negara yang terkenal sebagai negara multi etnik dan budaya ini tidak terkecuali dalam bidang akademik mereka. Dari sudut demografi penduduk yang dicirikan oleh masyarakat terbesar mempunyai kepelbagaian etnik dan imigran sudah semestinya identiti nasional menjadi antara fokus penyelidikan mereka. Ditambah pula, peristiwa sejarah yang mendasari sejarah dunia seperti Revolusi Amerika dan Gerakan Hak Asasi menjadikan peristiwa-peristiwa sejarah ini sebagai pencapaian sejarah yang berfungsi sebagai penanda aras bagi mentakrifkan makna seseorang yang bergelar rakyat Amerika

(Huntington, 2004; Lepore, 2018). Hal ini juga disebabkan oleh konflik-konflik yang berlaku dalam kalangan rakyat multi etnik dan imigran yang banyak berlingkaran mengenai persoalan kebudayaan, keetnikan dan migrasi (Bui, 2024).

Bagi negara Asia Tenggara pula, Indonesia antara negara yang tertinggi membincangkan isu sejarah dan identiti nasional secara akademik. Indonesia adalah sebuah negara yang amat menekankan soal sejarah dan penonjolan identiti nasional walaupun turut dihuni oleh kepelbagaian etnik. Pelaksanaan dasar yang menekankan aspek-aspek identiti dan pemeliharaan serta pengekalan warisan budaya sentiasa berlaku di negara Indonesia (ANTARA, 2025). Selain itu, analisis mendapati Malaysia juga turut menyumbang satu artikel penyelidikan yang menyentuh berkenaan kepentingan pendidikan sejarah dalam membina semangat patriotisme generasi muda (Wahab, et al., 2020).

Rajah 3

Penerbitan Artikel Mengikut Negara




Perkaitan Antara Tema

Analisis turut dijalankan dengan melibat tema-tema yang wujud di dalam kesemua artikel yang terlibat dalam kajian. Bagi tema sejarah ia turut dibincangkan dalam tema-tema yang lebih spesifik seperti pendidikan sejarah, sejarah politik, sejarah keintelektualan, sejarah politik, sejarah awam dan perspektif sejarah. Dari Rajah 4 yang merupakan analisis tema secara keseluruhan, didapati tema-tema utama yang berkaitan dengan identiti nasional dibincangkan secara global, iaitu nasionalisme, patriotisme, nasionalisme keetnikan. Dapat juga dilihat bahawa isu sejarah dan identiti nasional turut dikaitkan dengan agama, etnisiti dan juga politik. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa tema identiti nasional amat berkait dengan tema-tema yang berkaitan sejarah, secara tidak langsung menekankan isu-isu yang berada dalam ruang lingkup yang sama. Terdapat dua perkaitan tema yang wujud untuk dibincangkan secara

khusus, iaitu i) perkaitan tema identiti nasional, patriotisme, nasionalisme dengan sejarah, dan ii) perkaitan tema sejarah, identiti nasional dan generasi muda.

Rajah 4

Penerbitan Artikel Mengikut Tema/Kata Kunci Secara Keseluruhan



Perkaitan Tema Identiti Nasional, Patriotisme, Nasionalisme dengan Sejarah

Pengkaji juga mengkaji bagaimana tema identiti nasional ini didasari oleh nasionalisme dan patriotisme. Jika dilihat dari trend perkembangan penyelidikan ini bahawa identiti nasional banyak dikaitkan dengan nasionalisme berbanding patriotisme. Kosterman & Feshbach (1989) dan Blank & Schmidt (2003) bersetuju bahawa nasionalisme dan patriotisme sebenarnya terhasil daripada pembentukan identiti nasional, iaitu patriotisme merupakan semangat menyayangi negara, manakala nasionalisme merupakan penilaian positif kepada masyarakatnya sehingga menganggap bahawa negaranya lebih unggul berbanding masyarakat dari negara lain dan bertindak paling dominan.


Perbincangan berkenaan perkaitan antara sejarah dan identiti nasional bukanlah satu perbincangan yang baharu. Malahan, kepentingan kepada perkaitan dua terma ini telah berlaku berdekad dahulu sama ada dari dunia barat, Asia mahupun oleh tokoh-tokoh akademik tempatan. Justeru, antara yang sering dibincangkan adalah berkenaan identiti nasional yang dicirikan oleh semangat patriotisme ditentukan oleh batasan waktu yang berkait dengan sejarah (Nuan & Xin, 2012; Sani et. al., 2007; Shin et al., 2014) dan diasaskan sepenuhnya

oleh warisan budaya (Seong, 2011). Malahan, dalam kebanyakan negara begitu menerapkan pemantapan mata pelajaran sejarah sebagai usaha memupuk patriotisme di peringkat sekolah (Sarkar, 2022).

Malahan, kajian-kajian yang mengaitkan sejarah dengan, i) pemupukan identiti (Fadlallah & Janmaat, 2024; Hurst, 2024; Rasquinha, 2024), ii) identiti nasional (Bērziņa et al., 2023; Takovski, 2023), iii) patriotisme (Bentrovato & Chakawa, 2022; Skulskiy, 2024), dan iv) nasionalisme (Ozguner, 2023) telah banyak dilaksanakan yang membuktikan bahawa sejarah dan pemupukan identiti nasional amat berkait rapat antara satu sama lain. Perkaitan antara Identiti nasional, nasionalisme, patriotisme dan sejarah ini adalah seperti di Rajah 5.

Rajah 5

Perkaitan Tema Identiti Nasional, Nasionalisme, Patriotisme dan Sejarah



Perkaitan Tema Sejarah, Identiti Nasional dan Generasi Muda

Rajah 6 merupakan kekerapan penyelidikan yang menggunakan tema generasi muda terkait dengan isu -isu sejarah dan identiti nasional. Apabila diteliti hanya terdapat 2 artikel yang berfokus kepada penyelidikan sejarah, identiti nasional dan generasi muda, iaitu dari Malaysia dan Latvia. Kedua-dua artikel adalah kajian secara kualitatif melalui pengumpulan data secara temubual. Artikel dari Malaysia berkisar tentang dapatan kajian ke atas 30 pelajar lepasan SPM multi etnik yang membincangkan dapatan bahawa pemupukan patriotisme berdasarkan kepada i) pengalaman pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah, ii) espresi cinta sebagai

warganegara, iii) pemahaman sejarah kemerdekaan, dan iv) identiti Malaysia sebagai negara multi etnik (Wahab et al., 2020). Tidak jauh berbeza dengan artikel dari Latvia yang melaksanakan kajian ke atas 30 remaja secara temubual untuk melihat sejauh mana naratif sejarah yang ditekankan oleh Latvia dapat membentuk identiti nasional dalam kalangan belia multi etnik mereka. Malahan pengarang menegaskan sebagai sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian etnik, peranan sejarah adalah penting dalam pembinaan identiti nasional terutamanya dalam kalangan generasi muda dari kelompok etnik dominan mahupun minoriti (Bērziņa et al., 2023).


Kepentingan penghayatan sejarah kepada rakyat Malaysia multi etnik merupakan satu keperluan untuk membina identiti nasional terutamanya kepada generasi muda yang telah terlalu jauh daripada peristiwa sejarah tanah air. Ini kerana Ibnu Khaldun (1967, 2009) menekankan bahawa generasi muda mudah luntur semangat kekitaan kerana mereka tidak mengetahui bagaimana sejarah kedaulatan bermula dan apa yang menyebabkan ia terjadi.

Sarjana tempatan turut sering menekankan peri pentingnya generasi muda Malaysia diberi penekanan tentang kenegaraan khususnya ilmu sejarah, ilmu kesusasteraan, hubungan kaum, mengenali sosio-budaya, latar belakang kaum dan suku kaum, adat resam, raja dan kerajaan, hak-hak negara berbanding dengan hak-hak kaum dan sebagainya, dari usia muda lagi (Deraman, 2012). Malangnya pengajaran sejarah di sekolah dikatakan membosankan dan tertumpu kepada aspek hafalan semata-mata dari buku teks (Wahab et al., 2020) berbanding soal penghayatan dan hanya bergantung kepada pemahaman sejarah semasa di sekolah sahaja (Tohar & Yacob, 2022).

Penghayatan sejarah perlu diterapkan dengan mendalam agar peranan dan fungsi sejarah menjadi keutamaan dan penting dalam menjelaskan gagasan kenegaraan dan pemerintahan sebagai landasan legitimasi suatu tuntutan dalam negara dan bangsa masa kini (Kling, 2012), terutamanya dalam membentuk kesatuan dalam kepelbagaian etnik yang ada. Mana-mana negara dalam dunia ini termasuk Amerika, Rusia, England, China, India, Indonesia, Filipina, Thailand, Australia dan sebagainya tidak mengabaikan sejarah terutamanya sejarah kebangsaan (Kim, 1984). Malahan, pengabaian terhadap sejarah bererti penyisihan aspek patriotisme dan kenegaraan yang memungkinkan kita berdagang di negeri sendiri (Salleh & Agus, 2009).

Rajah 6

Perkaitan Tema Sejarah, Identiti Nasional dan Generasi Muda



KESIMPULAN

Penyelidikan ini menunjukkan bahawa trend penerbitan yang membincangkan perkaitan antara sejarah, identiti nasional dan generasi muda mengikut tahun agak kurang memberangsangkan, manakala negara barat lebih dominan dalam trend penerbitan perkaitan ini berbanding di negara-negara Asia. Dari sudut perkaitan antara tema pula, nasionalisme, identiti nasional dan sejarah merupakan tema-tema utama dalam setiap makalah yang diterbitkan. Tuntasnya, penyelidikan yang berfokus kepada kepentingan sejarah dalam pembinaan identiti nasional generasi muda perlu dipergiat terutamanya oleh para sarjana dari blok Asia apatah lagi Malaysia sendiri. Kepentingan sejarah dalam pembinaan identiti nasional telah dibincangkan lebih sedekad lalu, dan seharusnya perbincangan ini terus relevan hingga ke dekad milenia bagi memperkukuh jati diri individu terhadap kewarganegaraannya.

Sejarah bukan sekadar kisah masa lalu, tetapi merupakan suatu elemen penting yang harus ditelusuri dengan teliti dan mendalam. Dengan meneliti sejarah, generasi akan datang bukan sahaja dapat mempelajari peristiwa-peristiwa penting, tetapi juga memahami dan menilai kesan yang ditinggalkan oleh peristiwa tersebut terhadap isu-isu semasa yang masih berlaku atau telah berlalu di negara ini. Sejarah berperanan sebagai kompas yang membimbing

perjalanan sebuah bangsa, dan ia amat penting dalam membentuk kerangka identiti nasional yang utuh. Melalui penghayatan terhadap sejarah, semangat patriotisme dan nasionalisme dapat dipupuk dalam diri setiap individu, sekali gus memastikan bahawa nilai-nilai kebangsaan ini terus hidup dan berkembang selari dengan peredaran masa dan perubahan zaman. Kekuatan dalam penghayatan sejarah ini juga dapat memperkukuhkan daya tahan masyarakat sesebuah tamadun untuk terus teguh dengan identiti kebangsaan mereka, walaupun mereka terdedah kepada pelbagai kecanggihan dan kemajuan global yang semakin pesat.

Malahan, pengukuhan identiti nasional melalui penghayatan sejarah tidak hanya memberikan kesan yang mendalam kepada masyarakat, tetapi juga menyediakan generasi muda Malaysia dengan pemahaman dan kemahiran untuk menangani sebarang cabaran dan konflik, baik dalam bentuk perbezaan pendapat mahupun pertembungan budaya, dengan lebih bijaksana dan dalam kerangka pemikiran watan yang sejahtera. Kejituan dalam memperkasa identiti nasional, yang berteraskan sejarah, adalah dasar kepada penyatuan masyarakat pelbagai etnik, kerana melalui sejarah kita mengenali kekuatan bersama dan saling menghormati perbezaan yang ada. Oleh itu, perjuangan untuk memartabatkan dan memperkasa identiti nasional bukanlah sekadar wacana atau retorik kosong, tetapi ia adalah usaha yang perlu disemai dan dirasakan oleh setiap lapisan masyarakat. Perpaduan yang sejati hanya dapat dicapai apabila setiap individu, tanpa mengira latar belakang etnik, agama, atau budaya, merasai kepentingan sejarah sebagai unsur utama dalam membina sebuah negara yang bersatu padu dan maju. Dalam konteks ini, sejarah bukan hanya perlu diperkatakan, tetapi harus dihayati dan dijadikan pedoman untuk terus maju sebagai sebuah bangsa yang kukuh, berdaya saing, dan berkeadilan (Aziz, 2016).

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini menerima pembiayaan tajaan Kementerian Pengajian Tinggi geran Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) bertajuk 'Pembentukan Model Semangat Kekitaan Kebangsaan (SeKITA) dalam Menangani Etnosentrisme di Institusi Pendidikan' bernombor kod FRGS/1/2022/SS10/USIM/03/2.

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan secara bersama oleh kedua-dua penulis makalah.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Abdullah, U. M. K., & Azis, A. (2019). Efektifitas strategi pembelajaran analisis nilai terhadap pengembangan karakter siswa pada mata pelajaran sejarah kebudayaan Islam. *Jurnal Penelitian Pendidikan Islam*, 7(1), 51–62.
- Ahmi, A. (2022). *Bibliometric analysis for beginners*. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Anderson, B. (1983). *Imagined communities: Reflections on the origin and spread of nationalism*. Verso.
- ANTARA. (2025). Indonesia focuses on cultural heritage preservation in 2025. *ANTARA Indonesian News Agency*. <https://en.antaranews.com/news/340626/indonesia-focuses-on-cultural-heritage-preservation-in-2025>
- Azis, S. A. (2016). Memperkasa Identiti Nasional. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2016/01/118449/memperkasa-identiti-nasional>.
- Bentrovato, D., & Chakawa, J. (2022). Patriotism and the politicisation of national history and heritage in Zimbabwe's school curriculum reform (2015–2022). *International Journal of Research on History Didactics, History Education and History Culture*, 43/2022, 35–66.
- Bērziņa, I., Krūmiņš, G., Šiliņš, J., & Andžāns, M. (2023). History perceptions and national identity among Latvian youth: Entrapped between narratives of Latvia and Russia? *Nations and Nationalism*, 29(2), 700–717.
- Blank, T., & Schmidt, P. (2003). National identity in a united Germany: Nationalism or patriotism? An empirical test with representative data. *Political Psychology*, 24(2), 289–312.
- Bui, P. (2024). Defining American national identity: An exploration into measurement and its outcomes. *Nationalities Papers*, 52(1), 3–21. <https://doi.org/10.1017/nps.2021.79>
- Condor, S. (2006). Temporality and collectivity: Diversity, history and the rhetorical construction of national entitativity. *British Journal of Social Psychology*, 45(4), 657–682.
- Deraman, A. A. (2012). Warisan budaya dalam konteks 1 Malaysia. In Abdul Latiff Abu Bakar (Ed.), *Jati diri dan patriotisme teras peradaban Malaysia* (pp. 109–132). Penerbit UPSI.
- Elkaseh, A. A., Shamsudin, S. M., Zakaria, R., Munikanan, V., & Ahmed, A. (2024). A comprehensive bibliometric analysis of scientific research (1975–2023) on factors influencing safety performance in the construction industry. *Planning Malaysia*, 22(2), 337–348 <https://doi.org/10.21837/pm.v22i31.1474>

- Fadlallah, H., & Janmaat, J. G. (2024). History education and the construction of identities in divided societies: the case of Lebanon. *National Identities*, 26(1), 65-85. <https://doi.org/10.1080/14608944.2023.2282479>
- Gharib, N. S. M., Isa, C. H., Saleh, Z., & Tajudin, A. (2024). Bibliometric review: Current trends and future direction of public sector budgeting. *Asian Journal of Accounting Perspectives*, 17(1), 69–94.
- Haleem, A., Javaid, M., Vaishya, R., & Deshmukh, S. G. (2020). Areas of academic research with the impact of COVID-19. *The American Journal of Emergency Medicine*, 38(7), 1524–1526. <https://doi.org/10.1016/j.ajem.2020.04.022>
- Huntington, S. P. (2004). *Who are we? The challenges to America's national identity*. Simon & Schuster.
- Hurst, M. (2024). Negotiating with the Past: China's Tactical Use of History, Emotion and Identity in the Sino-British Talks on the Future of Hong Kong. *East Asia*, 41, 183-199. <https://doi.org/10.1007/s12140-023-09422-8>
- Ibnu Khaldun. (1967). *The Muqaddimah: An introduction to history* (F. Rosenthal, Trans.). Princeton University Press.
- Ibnu Khaldun. (2009). *Mukadimah* (Terj.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jetten, J., & Hutchison, P. (2011). When groups have a lot to lose: Historical continuity enhances resistance to a merger. *European Journal of Social Psychology*, 41(3), 335–343.
- Kim, K. K. (1984). *Masalah sosial dan politik di Malaysia*. Gateway Publishing House Sdn. Bhd.
- Kling, Z. (2012). Jati diri Melayu dan peradaban dunia. In A. L. Abu Bakar (Ed.), *Jati diri dan patriotisme teras peradaban Malaysia* (pp. 35–59). Penerbit UPSI.
- Kosterman, R., & Feshbach, S. (1989). Toward a measure of patriotic and nationalistic attitudes. *Political Psychology*, 10(2), 257–273.
- Lepore, L. (2008). *These Truths: A History of the United States*. W. W. Norton & Company.
- Mohammad, M. Z., & Ahmad, A. (2024). Kelebihan dan kepentingan penerapan elemen kemahiran pemikiran sejarah dalam mata pelajaran sejarah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 6(3), 15–27. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.3.2>
- Muis, A. M. R. A., Lokin, S. A., Sharif, S., Hamid, Z., & Rashid, N. M. (2024). Nation-building through history education: Mutual goals in shaping student character. *International Journal of Academic Research in Progressive Education & Development*, 13(3), 2391–2397.
- Nasiruddin, S. T. A. S., Mahmood, A., Mukhtar, N. M. A., Izaham, N. I. N., Ooi, M. D. J., & Ahmed, N. M. (2025). Unlocking the dynamic of STEM education in Malaysia: A bibliometric study. *International Journal of Modern Education*, 7(24), 123–141.
- Nuan, W., & Xin, G. (2012). How to strengthen the patriotism education of college students during the new period. *Cross-Cultural Communication*, 8(5), 123–126.
- Othman, I. W., Karulus, Y., Talib, M. N. M., Mokhtar, S., Yusoff, M. S., & Kamal, H. I. M. (2023). Cultivating patriotism among university students: Facilitating the formation of the Malaysian family concept in a multiracial society. *International Journal of Modern Education*, 5(19), 359–392.
- Ozguner, E. A. (2023). Picturing national history: Turkey's popular nationalism on the rise through the 1950s new print culture. *Journal of Design History*, 36(1), 54–72. <https://doi.org/10.1093/jdh/epac057>

- Priwati, A. R., & Sanitioso, R. B. (2024). Exploring national identity and collective memory across cultures: Comparison of Indonesia and France. *Frontiers in Political Science*, 6, Article 1233210. <https://doi.org/10.3389/fpos.2024.1233210>
- Rashid, S., & Yadav, S. S. (2020). Impact of Covid-19 pandemic on higher education and research. *Indian Journal of Human Development*, 14(2), 340–343. <https://doi.org/10.1177/0973703020946700>
- Rasquinha, D. N. (2024). Manning the mangroves: Gender, regional identities, and social history shape mangrove forest dependence and governance. *Ecology and Society*, 29(1): 17 <https://doi.org/10.5751/ES-14809-290117>
- Reicher, S., & Hopkins, N. (2001). *Self and nation*. Sage Publications.
- Salleh, K. M., Othman, A. T., Abdullah, A. G. K., & Mohamed, A. (2021). Bibliometric analysis of 21st century research trends in extracurricular activities. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(12), 186 - 194. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i12.1179>
- Salleh, M. J. & Agus, A. (2009). Kaedah lawatan ke tempat sejarah: Kepentingan dan strategi. In Abdul Razaq Ahmad & Isjoni (Eds.), *Strategi dan model pembelajaran sejarah* (pp. 127–138). UKM & Universitas Riau.
- Sani, F., Bowe, M., Herrera, M., Manna, C., Cossa, T., Miao, X., & Zhou, Y. (2007). Perceived collective continuity: Seeing groups as entities that move through time. *European Journal of Social Psychology*, 37, 1118–1134.
- Sarkar, T. (2022). History as patriotism: Lessons from India. *Journal of Genocide Research*, 24(2), 171–181. <https://doi.org/10.1080/14623528.2021.1998998>
- Semonin, P. (2000). *American monster: How the nation's first prehistoric creature became a symbol of national identity*. New York University Press.
- Seong, T. K. (2011). Pencerobohan bahasa gugat jati diri nasional. *Berita Harian*.
- Shin, S.-H., Kashima, Y., Laham, S. M., Kim, U., Park, Y.-S., Koo, J., & Park, J. (2014). The temporal dimension of national identification: An empirical investigation in South Korea and Australia. *Asian Journal of Social Psychology*, 17, 25–35.
- Skulskiy, D. (2024). The politics of (historical) love: On patriotism, national history and the annexation of Crimea. *Europe-Asia Studies*, 76 (4) 754-589. <https://doi.org/10.1080/09668136.2024.2306966>
- Smith, A. D. (1991). *National identity*. University of Nevada Press.
- Smith, A. D. (1992). National identity and the idea of European unity. *International Affairs*, 68, 55–76. <https://doi.org/10.2307/2620461>
- Spielmann, N., Maguire, J. S., & Charters, S. (2020). Product patriotism: How consumption practices make and maintain national identity. *Journal of Business Research*, 121, 389–399. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2018.05.024>
- Takovski, A. (2023). “Grandpa was fatally administered by the Bulgarians”: Family narratives, national identity, and state history. *Journal of Sociolinguistics*, 27(3), 290–307. <https://doi.org/10.1111/josl.12605>
- Tohar, S. N. A. M., & Yacob, S. N. B. M. (2022). Penghayatan sejarah mahasiswa sarjana muda multietnik: Kajian perbezaan antara IPTA dan IPTS. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7 (PASAK 7 2022)*.
- Tohar, S. N. A. M., Ani, F., & Razali, A. (2019). Penerapan identiti nasional melalui sejarah. *Journal of Techno Social*, 11(1), 54–60.
- Tohar, S. N. A. M., Razali, A., & Yacob, S. N. B. M. (2021). Transformasi sosial menuju revolusi industri 5.0: Kerelevanan dalam kerangka identiti nasional Malaysia. In S. N.

- A. M. Tohar, F. L. M. Ismail, & M. Sulaiman (Eds.), *Teras ilmu memacu revolusi industri* (pp. 148–161). Penerbit USIM.
- Wahab, A. Y. A., Jamil, H., Razak, A., & Shuib, M. (2020). An exploratory study on history education and the construction of patriotism among the youth in Malaysia. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 12(1), 30–46.
- Wohl, M. J. A., Stefaniak, A., & Smeekes, A. (2023). Collective nostalgia as a balm for the distressed social identity. *Current Opinion in Psychology*, 49, Article 101542. <https://doi.org/10.1016/j.copsyc.2022.101542>
- Xian, R. T. Y., Seng, F. S., Lyn, K. Z., & Shiong, P. K. (2017). Building national identity through the secondary school literature component in Malaysia. *Journal of Creative Practices in Language Learning and Teaching*, 5(2), 21-36.